

TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN MAHASISWA BIOLOGI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) TERHADAP PEMBELAJARAN
SECARA BERSEMUKA PASCA COVID-19

MUHAMMAD AMIRZHUKI BIN ISMAIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

PERAKUAN



FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 Februari 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMMAD AMIRZHUKI BIN ISMAIL, D20201095341 dengan ini mengaku bahawa laporan projek penyelidikan tahun akhir bertajuk TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN MAHASISWA BIOLOGI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) TERHADAP PEMBELAJARAN BERSEMUKA PASCA COVID-19 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

(MUHAMMAD AMIRZHUKI BIN ISMAIL)
(D20201095341)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, TS. MARINA BINTI MOKHTAR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN MAHASISWA BIOLOGI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) TERHADAP PEMBELAJARAN BERSEMUKA PASCA COVID-19 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada JABATAN BIOLOGI bagi memenuhi syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN.

Tarikh: 15/2/2024

Tandatangan Penyelia
Ts. Marina Mokhtar
Senior Lecturer
Faculty of Science and Mathematics
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malai, Selangor, Malaysia



PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran saya rafa'kan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini sebagai salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Biologi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ts. Marina binti mokhtar selaku penyelia penyelidikan sarjana muda saya, di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar sehingga lengkapnya laporan disertasi ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Syazwan bin Saidin, Dr Ahmad Muslihin bin Ahmad dan Prof. Madya Dr. Shakinaz binti Desa atas bimbingan, tunjuk ajar serta motivasi sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Dengan ingatan yang tulus, sekalung penghargaan diberikan kepada ibu dan ayah tercinta, Sabariah binti Kamaruddin dan Ismail bin Mahmud. Tidak dilupakan juga kepada ahli keluarga yang disayangi kerana sentiasa menyokong dan memberikan motivasi sepanjang pengajian di UPSI.

Terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan galakan, sokongan serta pengalaman manis sepanjang proses pembelajaran peringkat ijazah sarjana muda ini. Terima kasih kepada mahasiswa-mahasiswi Biologi yang terlibat di atas kesudian meluangkan masa dan memberi kerjasama yang baik untuk menjawab soal selidik kajian ini.

Dengan peluang ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat secara sengaja atau tidak sengaja yang telah memberi dorongan, semangat serta nasihat kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya tiada apa yang mampu dihulurkan melainkan ucapan terima kasih semoga ia mendapat setinggi-tinggi ganjaran di sisi Allah S.W.T





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan mahasiswa Biologi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap pembelajaran bersemuka pasca Covid-19. Pandemik Covid-19 telah memberi pengalaman pembelajaran yang berbeza kepada pelajar. Pengalaman ini memberi kesan kepada kesediaan mereka ketika mengikuti pembelajaran secara bersemuka disebabkan perubahan corak pembelajaran dan sikap mereka semasa mengikuti pembelajaran secara maya. Seramai 140 orang responden telah terlibat secara langsung dalam kajian ini yang terdiri daripada mahasiswa Biologi semester 5, 6 dan 7. Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan 13 item soal selidik dalam bentuk platform *Googleform* sebagai instrumen kajian. *Statistical Package for Social Science* (SPSS) telah digunakan untuk menganalisis data kajian secara dapatan kajian secara statistik deskriptif dan inferensi bagi menentukan kekerapan, min dan sisipan piawai. Ujian *Kruskal-Wallis* dijalankan untuk menguji hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan mahasiswa Biologi UPSI berada pada skala tahap kesediaan yang tinggi dengan min keseluruhan yang diperoleh ialah 3.67 dan sisihan piawai 0.535. Hasil Ujian *Kruskal-Wallis* pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan berdasarkan semester pengajian Mahasiswa Biologi. Konklusinya, meskipun tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan berdasarkan semester pengajian, namun tahap kesediaan mahasiswa Biologi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah pada tahap yang tinggi. Implikasinya, dapatan kajian ini dapat membolehkan kita menilai sejauh mana pengalaman pembelajaran semasa pandemik telah mengubah corak pembelajaran pelajar dan bagaimana ini mempengaruhi kesediaan mereka untuk kembali ke pembelajaran bersemuka.



ABSTRACT

This study was conducted to examine the level of readiness of the Biology students of Sultan Idris Education University towards face-to-face learning post Covid-19. The Covid-19 pandemic has given students a different learning experience. This experience affects their readiness when attending face-to-face learning due to changes in their learning patterns and attitudes while following virtual learning. A total of 140 respondents were directly involved in this study comprising of Biology students from semester 5, 6 and 7. This study is in the form of a survey study that uses 13 questionnaire items in the form of a *Googleform* platform as an instrument of study. *The Statistical Package for Social Science* (SPSS) was used to analyse the study data through the findings of the study in a statistically descriptive and invasive manner to determine the frequency, mean and standard insert. The *Kruskal-Wallis* test was carried out to test the hypothesis of the study. The findings showed that UPSI Biology students were on a high readiness scale for post-Covid-19 face-to-face learning with the overall mean obtained being 3.67 and standard deviation of 0.535. The results of the *Kruskal-Wallis Test* showed no significant difference in the level of readiness based on the semester of study of the Biological Students. In conclusion, although there is no significant difference in the level of readiness based on the semester of study, the level of readiness of the Biology students of Sultan Idris Education University is at a high level. The implication of findings in this study can allows us to assess the extent of learning experiences during the pandemic has changed students' learning patterns and how this affects their willingness to return to face-to-face learning.

**ISI KANDUNGAN**

PERAKUAN	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK	III
ABSTRACT	IV
ISI KANDUNGAN	V
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI RAJAH	IX
SENARAI SINGKATAN	X
SENARAI LAMPIRAN	XI
 BAB 1	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Batasan Kajian	9
1.10 Definisi Operasional	10
1.10.1 Kesediaan	11
1.10.2 Pembelajaran Bersemuka	11
1.10.3 Pasca Covid-19	11
1.11 Rumusan	12
 BAB 2	 13
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Teori Yang Mendasari kajian	13
2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial	13
2.2.2 Teori Humanisme	15
2.3 Dapatan kajian Lepas	18
2.3.1 Peralihan Pembelajaran dari Pembelajaran Secara Atas Talian ke pembelajaran Bersemuka.	18



2.4	Rumusan	20
-----	---------	----

BAB 3 **21**

3.1	Pengenalan	21
3.2	Pendekatan Kajian	22
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	22
3.4	Lokasi kajian	23
3.5	Instrumen Kajian	23
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Intrumen	25
3.6.1	Kesahan Instrumen	25
3.6.2	Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan	29
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	30
3.8	Analisis Data	32
3.8.1	Statistik Deskriptif	32
3.8.2	Statistik Infrensi	33
3.9	Rumusan	35

BAB 4 **36**

4.1	Pengenalan	36
4.2	Analisis Data Maklumat Demografi Responden Kajian Sebenar	37
4.3.1	Analisis tahap kesediaan mahasiswa Biologi UPSI Terhadap Pembelajaran Bersemuka Pasca Covid-19	38
4.3.2	Analisis perbezaan tahap kesediaan mahasiswa Biologi berdasarkan item kajian dan semester pengajian	45
4.4	Analisis Data Infrensi	49
4.4.1	Analisis ujian Kruskal-Wallis mengenai tahap kesediaan mahasiswa Biologi terhadap pembelajaran bersemuka berdasarkan semester pengajian	49
4.5	Perbincangan Dapatan Kajian	51
4.5.1	Tahap kesediaan mahasiswa Biologi UPSI terhadap pembelajaran bersemuka pasca Covid-19.	51
4.5.2	Perbezaan tahap kesediaan berdasarkan semester pengajian	56
4.6	Rumusan	58

BAB 5 **59**

5.1	Pendahuluan	59
5.2	Kesimpulan	60
5.3	Implikasi kajian	60

5.4	Cadangan kajian Lanjutan	62
5.5	Rumusan	63

RUJUKAN	64
LAMPIRAN	75

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Analisis kesahan muka bagi soal selidik tahap kesediaan.	26
3.2	Analisis kesahan kandungan bagi soal selidik tahap kesediaan.	27
3.3	Nilai Cronbach Alpha pemboleh ubah kajian	30
3.4	Intepretasi Skor Min Skala Likert 4 mata	33
3.5	Ujian kenormalan Kolmogorov-Smirnov	34
4.1	Kekerapan dan peratusan demografi responden	37
4.2	Min, Sisihan Piawai, Kekerapan dan Interpretasi nilai Min Tahap Kesediaan	39
4.3	Min, sisihan piawai dan tahap kesediaan berdasarkan item kajian dan semester pengajian	46
4.4	Analisis <i>Kruskal-Wallis</i> bagi tahap kesediaan antara semester pengajian	50
4.5	Perbezaan Mean Rank bagi tahap kesediaan berdasarkan semester pengajian	50

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	8
3.1	Prosedur Pengumpulan Data	31

SENARAI SINGKATAN

KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPr	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
CVI	Content Validity Index
SPSS	Statistical Packages for the Social Science
SP	Sisihan Piawai
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

A	Surat Lantikan Pakar
B	Borang Kesahan Muka dan Kandungan
C	Soalan Soal Selidik
D	Ujian Kebolehpercayaan
E	Ujian Normaliti
F	Analisis Deskriptif
G	Analisis Infrensi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pandemik Covid-19 yang muncul pada Disember 2019 telah mengejutkan masyarakat dunia dimana ia mencetuskan norma baharu kepada masyarakat dunia. Menurut Wang et al. (2020), pandemik Covid-19 yang bermula Wuhan, China telah menggemparkan masyarakat dunia dengan satu penyakit pneumonia yang telah berkembang di seluruh dunia dalam masa yang singkat. Penularan pandemik Covid-19 yang pantas telah memberikan impak yang buruk terutamanya kepada aspek pendidikan, ekonomi, kewangan dan lain-lain (Anuar Sopian & Ijlal Saja @ Mearaj, 2021). Oleh hal yang demikian, bagi membendung penyebaran wabak ini, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan arahan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada



18 Mac 2020. Pelaksanaan perintah ini adalah di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Astro Awani, 2020).

Pelaksanaan PKP telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil langkah dengan memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) (Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan et al., 2020). Sejak penularan wabak Covid-19, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan dasar baru di mana proses pembelajaran secara maya dijalankan sebagai satu alternatif kepada pembelajaran secara bersemuka (Zarina Mat Saad et al. (2022). Pembelajaran secara atas talian merupakan satu keperluan kepada pelajar di pelbagai institusi pendidikan bagi mengelakkan penularan wabak dengan lebih teruk. Ini disokong oleh Muhammad Izzat Mailis et al. (2020) yang menyatakan pembelajaran secara atas talian merupakan satu perkara yang perlu dilakukan di dalam bidang pendidikan di Malaysia secara menyeluruh bagi mencegah penularan wabak Covid-19.

Namun begitu, perubahan yang positif telah berlaku didalam sistem pendidikan Malaysia apabila Kerajaan Malaysia memulakan program imunisasi vaksin dengan fasa pertama yang bermula pada 26 Februari 2021 (Bernama, 2021). Program vaksinasi yang dijalankan membantu memulihkan semula operasi institusi pendidikan yang terjejas oleh penutupan dan sekatan sepanjang pandemik Covid-19. Kesan program ini memberi peluang kepada kembalinya pembelajaran secara bersemuka. Kementerian Pendidikan Tinggi (2021) telah mengumumkan kemasukan semula pelajar Institusi Pendidikan Tinggi secara fizikal yang bermula pada 15 oktober 2021 secara berperingkat bagi pelajar-pelajar IPT. Transisi dalam kaedah pembelajaran ini telah memberikan kesan khususnya kepada tahap kesediaan pelajar didalam era kebiasaan



baru dan pasca Covid-19 yang telah mengubah perjalanan sesi pengajaran dan pembelajaran mereka lebih-lebih lagi di abad ke-21 ini. Oleh yang demikian sudah pasti akan wujudnya pelbagai persepsi terutamanya dari aspek kesediaan mereka dalam mengikuti pembelajaran di era ini. Oleh itu, kajian ini akan meneliti tahap kesediaan khususnya mahasiswa Biologi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap pembelajaran bersemuka Pasca Covid-19.

1.2 Latar Belakang Kajian

Fasa endemik atau pasca Covid-19 telah memberi nafas baharu kepada semua pihak dalam menuju tahap dimana ekonomi dan masyarakat berupaya untuk pulih dan kembali ke normal (Muhammad Faizal Hasyamudin Rahim et al., 2023). Perubahan dari fasa ke fasa disebabkan penularan wabak Covid-19 telah memberikan kesan terutamanya dalam aspek pendidikan di negara kita. Pelajar-pelajar yang mengikuti pembelajaran pasca pandemik ini telah merasai dua pengalaman yang berbeza iaitu pembelajaran secara atas talian di waktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pembelajaran bersemuka di pasca Covid-19. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau tahap kesediaan mahasiswa dalam pembelajaran bersemuka pasca Covid-19. Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan mahasiswa Biologi semester 5, 6 & 7 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Mahasiswa yang dijadikan responden kajian merupakan pelajar yang telah terlibat dengan sesi pengajaran dan pembelajaran secara maya semasa penularan wabak Covid-19. Selanjutnya, pelajar yang terlibat ini juga turut terlibat dengan pembelajaran



bersemuka pasca Covid-19. Mahasiswa yang terlibat dalam pembelajaran secara maya tidak mempunyai pengalaman dalam mengikuti kelas-kelas kuliah dan amali sebagaimana yang berlaku semasa pembelajaran bersemuka. Kemahiran proses-proses sains yang patut dicapai semasa mengikuti pembelajaran secara tradisional ini sudah tentu tidak berlaku dan dicapai sepenuhnya oleh mereka. Kemahiran proses sains mendorong kepada kebolehsuaian pelajar kepada persekitaran yang baru. Proses sains mendorong kepada penglibatan pelajar untuk meneroka, bereksperimen dan menyesuaikan pemahaman mereka berdasarkan maklumat yang baru. Kebolehan untuk menyesuaikan diri ini penting semasa pembelajaran semasa pasca Covid di mana keadaan dan maklumat boleh berubah dengan cepat.



Pandemik Covid-19 telah memberikan kesan besar kepada sistem pendidikan global di mana semasa tempoh ini institusi pendidikan dipaksa untuk menggunakan model pembelajaran jarak jauh dan hibrid. Bermula 1 April 2022, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengumumkan bahawa negara kita telah memasuki fasa peralihan pandemik kepada endemik (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022). Peralihan daripada fasa pandemik ke endemik ini bermaksud sesi pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan semula secara bersemuka. Peralihan fasa ini menandakan pelajar telah melalui dua pengalaman pembelajaran yang berbeza iaitu kelas dalam talian dan kelas bersemuka.



Menurut Hang & Zamri Mahamud (2023), pelaksanaan PdP secara atas talian telah mendatangkan masalah kepada pelajar terutamanya dari aspek penglibatan pelajar didalam kelas atas talian yang dijalankan. Perkara ini adalah disebabkan pelajar daripada sikap negatif oleh pelajar itu sendiri semasa berlansungnya sesi PdPr. Menurut Mohd Radzi Jidin (2020), sikap negatif yang wujud terhadap pembelajaran yang dijalankan secara atas talian adalah disebabkan pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu di mana pelajar lebih memilih untuk mengikuti kelas secara bersemuka. Apabila pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan kelas secara atas talian akan menyebabkan berlakunya penurunan kepada motivasi untuk meneruskan pembelajaran secara atas talian. Ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Muniroh Hamat et al. (2020) yang mendapati sebilangan pelajar memberi kerjasama dan masih tidak bersedia dengan pembelajaran secara atas talian tidak Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Nor Aidawati Abdillah & Mazidah Musa (2021) mendapati pelajar mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap pembelajaran dalam talian. Kajian-kajian yang dijalankan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh KPM yang mendapati PdP secara atas talian adalah kurang berkesan jika dibandingkan dengan pembelajaran secara bersemuka (Berita Harian, 2020).

Dalam pada itu, sikap negatif pelajar di dalam pembelajaran atas talian memberi kesan kepada tahap kesediaan mereka semasa mengikuti pembelajaran secara bersemuka. Menurut Yap & Muhammad Syawal Amran (2023), penglibatan murid yang rendah menyebabkan berlakunya keciciran pelajar di sekolah yang seterusnya menyebabkan kehilangan penglibatan yang berterusan dalam pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Amirah Azhar et al. (2023) mendapati penglibatan pelajar yang tidak aktif semasa mengikuti pembelajaran atas talian menyebabkan pelajar tidak

berminat dan tidak bersedia untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka pasca pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, melalui kajian ini, pengkaji akan meneliti tahap kesediaan dalam aspek mahasiswa Biologi terhadap pembelajaran bersemuka pasca Covid-19.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif iaitu:

1. Menenal pasti tahap kesediaan mahasiswa Biologi UPSI terhadap pembelajaran secara bersemuka pasca Covid-19.
2. Menenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan mahasiswa Biologi berdasarkan semester pengajian.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kesediaan Mahasiswa biologi UPSI terhadap pembelajaran bersemuka pasca Covid-19?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan mahasiswa Biologi berdasarkan semester?



1.6 Hipotesis Kajian


- i. H_0 1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap kesediaan mahasiswa Biologi berdasarkan semester pengajian.
- ii. H_a 1: Terdapat perbezaan min yang signifikan tahap kesediaan mahasiswa Biologi berdasarkan semester pengajian.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian secara tinjauan mengenai tahap kesediaan mahasiswa terhadap pembelajaran bersemuka pasca Covid-19 adalah masih kurang di negara kita. Justeru kajian secara tinjauan dijalankan terhadap mahasiswa biologi Universiti Pendidikan Sultan Idris dimana ia diharapkan dapat memberi maklumat kepada pihak-pihak yang berkaitan khususnya:

1. Kepada pihak universiti dan fakulti tentang tahap kesediaan mahasiswa Biologi terhadap pembelajaran pasca Covid-19 serta cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kesediaan mahasiswa Biologi.
2. Maklum balas kepada mahasiswa Biologi tentang tahap kesediaan mereka supaya mereka dapat membuat persediaan yang lebih mantap untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka pasca Covid-19.

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan hanya terbatas kepada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tanpa melibatkan semua jurusan mahasiswa. Kajian ini hanya melibatkan mahasiswa Biologi semester 5, 6 dan 7 yang merupakan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris sahaja. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua mahasiswa jurusan lain kerana responden kajian yang dipilih tidak mewakili populasi secara menyeluruh.



Di samping itu, kajian yang dijalankan merupakan satu kajian tinjauan yang mengumpul maklum balas daripada responden menggunakan borang soal selidik. Rentetan itu, maklum balas yang diberikan oleh responden kepada setiap item adalah bersifat subjektif di mana ia bergantung kepada pemahaman dan pengalaman mereka. Oleh yang demikian, pengkaji membuat andaian bahawa responden yang memberikan maklum balas dapat memahami arahan dan kandungan di dalam instrumen kajian dengan baik. Pengkaji juga mengharapkan responden dapat menjawab soal selidik dengan jujur serta ikhlas.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional yang digunakan melalui kajian ini merupakan istilah-istilah yang dijadikan sebagai panduan dimana ia diguna khusus untuk kajian ini. Maksud kepada istilah-istilah yang dinyatakan adalah bersesuaian dengan objektif dan kepentingan kajian ini dan definisi ini tidak terikat kepada sebarang penjelasan dan definisi daripada bahan-bahan bertulis dan pengkaji lain. Definisi operasional ini adalah bertujuan untuk memudahkan rujukan pembaca.

Oleh yang demikian, terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian ini:





1.10.1 Kesiediaan

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan kesiediaan sebagai kesanggupan atau kerelaan seseorang (2015). Dalam konteks kajian ini, tahap kesiediaan merujuk kepada kesiediaan mahasiswa Biologi UPSI dalam mengikuti pembelajaran secara bersemuka pasca Covid-19.

1.10.2 Pembelajaran Bersemuka

Pembelajaran bersemuka atau dikenali juga sebagai pembelajaran konvensional merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku secara terus antara guru atau pensyarah dengan pelajar. Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid (2016) mentafsirkan pengajaran bersemuka merupakan kaedah pengajaran di mana guru dan pelajar dapat berhadapan di satu tempat yang sama. Melalui konteks kajian ini, pembelajaran bersemuka dimaksudkan sebagai pembelajaran dimana pensyarah menjalankan pengajaran di dalam bilik tutor bersama dengan pelajar.

1.10.3 Pasca Covid-19

Pasca membawa maksud setelah atau selepas. Covid-19 pula merupakan pandemik yang berlaku di Malaysia disebabkan penularan virus koronavirus. Oleh itu, erti kata Pasca Covid-19 membawa maksud setelah atau selepas pandemik Covid-19. Di Malaysia, fasa pasca Covid-19 bermula pada 1 April 2022 apabila (KKM) telah mengumumkan peralihan dari fasa pandemik kepada endemik (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022).





1.11 Rumusan

Kesimpulannya, kajian yang dirangka oleh pengkaji adalah bagi membuat tinjauan yang meliputi aspek kesediaan mahasiswa Biologi UPSI semester 5, 6 dan 7. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dilakukan berdasarkan pernyataan masalah dan kepentingan kajian. Kerangka konseptual kajian dan objektif kajian dijadikan sebagai penunjuk agar kajian yang dijalankan dapat mencapai matlamat atau sasaran yang ditetapkan.

